



## Panduan mengira nilai harta bersih anda


### LANGKAH 1 – Senaraikan barangan bernilai yang anda miliki



Wang tunai dan yang seumpamanya seperti akaun simpanan dan deposit tetap



Pelaburan seperti saham, bon dan dana amanah saham



Dana persaraan seperti KWSP dan akaun persaraan peribadi



Hartanah seperti rumah, pangsapuri dan tanah



Kepunyaan peribadi yang boleh dijual seperti barangan kemas, jongkong emas, hasil seni dan barangan antik



### LANGKAH 2 – Jumlahkan aset anda



### LANGKAH 3 – Senaraikan hutang anda dengan orang lain



Pinjaman termasuk pinjaman pendidikan, pinjaman bank dan pinjaman lain



Baki kad kredit



Cukai perlu dibayar seperti cukai hartanah dan cukai pendapatan



Hutang kepada saudara mara, kawan dan lain-lain



Baki bayaran ansuran bagi barangan pengguna seperti perabot dan televisyen



### LANGKAH 4 – Jumlahkan liabiliti anda



### LANGKAH 5 – Aset tolak liabiliti

Sekiranya jawapannya adalah positif, tahniah! Anda harus merancang cara menambahkan nilai harta bersih anda. Jika jawapannya negatif, jangan berasa kecewa, kerana anda masih boleh mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan anda

